



Vol. 1 No. 1 (2021); Special Issue : INTERNATIONAL CONFERENCE ON RESEARCH IN ENGINEERING AND SOCIAL SCIENCE 2021' (IRES2'21)



eISSN 2805-4970



PUBLISHER : POLITEKNIK MELAKA

Kesedaran Politik Pelajar dalam Pilihan Raya Kampus (PRK) di Politeknik Banting Selangor

Saharuddin Talib², Aishah Saim^{1*}, Ibrahim Burhan²

¹Jabatan Matematik, sains dan Komputer

Politeknik Banting Selangor, Persiaran Ilmu, Jalan Sultan Abdul Samad 42700 Banting Selangor

²Jabatan Penyenggaraan Pesawat

Politeknik Banting Selangor, Persiaran Ilmu, Jalan Sultan Abdul Samad 42700 Banting Selangor

*Corresponding Author

Published online : 25 September 2021

To cite this article : Aishah Saim et al., Journal of Engineering and Social Sciences, Vol. 1 No. 1 (2021) p. 135-140

Abstrak: Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti tahap kesedaran pelajar Politeknik Banting Selangor terhadap pilihan raya kampus (PRK) di Politeknik Banting Selangor. PRK bukan sahaja menjadi medan pemilihan wakil pelajar dalam Majlis Perwakilan Pelajar tetapi ianya menjadi platform terbaik untuk melahirkan golongan intelek muda TVET yang matang dan berwawasan dalam memimpin sebuah organisasi. Dalam kajian ini, tiga aspek kesedaran pelajar terhadap pilihan raya kampus telah dikenalpasti iaitu pengetahuan mengenai PRK, pandangan mengenai PRK dan pandangan mengenai politik di kampus. Seramai 75 orang responden terlibat dalam kajian ini yang terdiri daripada pelajar semester satu hingga lima di Politeknik Banting Selangor. Dari aspek pengetahuan berkaitan PRK, responden bersetuju PRK diadakan setahun sekali dengan skor min 4.52. Responden berpandangan bahawa masa yang diambil untuk melaksanakan PRK tidak mengambil masa yang lama dengan skor min sebanyak 4.29. Manakala dari aspek pandangan politik, responden bersetuju bahawa suasana pelaksanaan PRK berjalan lancar tanpa sebarang gangguan dengan skor min 4.32.

Kata Kunci: Kesedaran, Pilihan Raya Kampus, Politik

1. PENGENALAN

Pilihan raya kampus (PRK) merupakan aktiviti wajib di Politeknik selaras dengan perwaraan Akta Institusi-institusi Pelajaran (Tatatertib) 1976, Bahagian III untuk memilih calon-calon pelajar untuk menerajui kepimpinan bagi mewakili suara pelajar dalam organisasi Majlis Perwakilan Pelajar sebuah institusi. Proses PRK dapat mewujudkan semangat budaya demokrasi dalam kalangan pelajar Politeknik Banting Selangor dalam memilih pemimpin pelajar yang dikehendaki bagi mewakili suara mereka. PRK akan dapat memberi pendedahan kepada pelajar gambaran awal kesedaran politik bagaimana pilihanraya umum diadakan. Di dalam proses PRK, pelajar akan didekah dengan prosedur pemilihan melalui pengundian, amalan berkempen dan berpeluang untuk memilih pemimpin pelajar secara bebas dan rahsia. Secara amnya, pelaksanaan PRK di Politeknik dan Kolej Komuniti diadakan serentak di seluruh negara di bawah seliaan Jabatan Hal Ehwal Pelajar.

PRK sangat penting bagi setengah pengalaman politik kerana ianya merupakan cerminan politik negara di masa akan datang. Keadaan politik kampus terutama apabila menjelang PRK sangat diperhatikan oleh masyarakat Malaysia terutamanya di Universiti Malaya (UM) sehingga Institusi Pengajian Tinggi (IPT) berkenaan digelar sebagai Little Malaysia (Amirul Azam Zulkafli, 2012).

1.1 Penyataan Masalah

Kesedaran politik dalam kalangan pelajar Politeknik Banting Selangor dalam pilihan raya kampus merupakan satu elemen penting dalam mengentengahkan bakat kepimpinan pelajar. Kajian oleh Junaidi et al. (2013) menyatakan penglibatan mahasiswa dalam politik kampus secara asasnya adalah sebagai satu platform untuk mereka mengasah bakat dan sahsiah kepimpinan. Sehubungan itu, kajian berkaitan kesedaran politik pelajar dalam PRK merangkumi pengetahuan terhadap PRK, pandangan berkaitan PRK dan politik kampus.

1.2 Matlamat Kajian

Matlamat kajian ini adalah untuk menilai tahap kesedaran pelajar Politeknik Banting Selangor terhadap pilihan raya kampus di Politeknik Banting Selangor.

1.3 Objektif

Kajian ini mempunyai tiga objektif yang akan dicapai sepanjang tempoh kajian. Objektif kajian adalah seperti berikut:

- a) Mengenalpasti tahap kesedaran pelajar terhadap pengetahuan pilihan raya kampus
- b) Mengenalpasti tahap kesedaran pelajar terhadap pandangan mengenai pilihan raya kampus
- c) Mengenalpasti tahap kesedaran pelajar terhadap pandangan mengenai politik kampus

1.4 Persoalan kajian

Dalam kajian ini, terdapat beberapa persoalan kajian iaitu:

- a) Apakah tahap kesedaran pelajar terhadap pengetahuan pilihan raya kampus?
- b) Apakah tahap kesedaran pelajar terhadap pandangan mengenai pilihan raya kampus?
- c) Apakah tahap kesedaran pelajar terhadap pandangan mengenai politik kampus?

2. SOROTAN KAJIAN

Mengikut Kamus Dewan (2014), kesedaran didefinisikan sebagai peka atau mengambil tahu tentang sesuatu perkara atau peristiwa. Dalam kajian ini, kesedaran bermaksud kepekaan atau sikap ambil tahu pelajar terhadap kepentingan pilihan raya kampus yang mendorong mereka untuk turun mengundi sewaktu pilihan raya kampus.

Politik didefinisikan sebagai penggunaan kekuasaan atau autoriti, suatu proses pembuatan keputusan secara kolektif, atau sebagai arena perarungan yang penuh musihah (Heywood, 2004). Manakala melalui peruntukan Akta Institusi-Institusi Pelajaran (Tata tertib) 1976, Bahagian III Jawatankuasa Perwakilan Pelajar dan Badan Pelajar Lain menjadi platform untuk memilih calon-calon Majlis Perwakilan Pelajar yang diadakan setiap tahun melalui pilihan raya kampus, lanya akan diadakan serentak di seluruh Politeknik dan Kolej Komuniti seluruh Malaysia (Akta Institusi-Institusi Pelajaran (Tata tertib), 1976).

Pilihan raya kampus di universiti adalah tertakhluk kepada sekyen 52 Subseksyen 10 Akta Universiti dan Kolej Universiti dan fungsinya tetap sama untuk memilih pelajar dalam organisasi Majlis Perwakilan Pelajar di universiti. Pilihan raya kampus bukan sahaja sebagai platform untuk memilih barisan kepimpinan pelajar yang mewakili suara pelajar secara keseluruhannya, tetapi ia boleh menjadi kayu pengukur kesediaan dan kesedaran pelajar dalam berpolitik walaupun ia tidak merangkumi keseluruhan politik itu sendiri. Menurut Presiden Persatuan Mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia (PMUKM) Sesi 2010/2011, pilihan raya kampus mengajar dan memberi pengalaman kepada mahasiswa berkaitan dengan proses-proses pilihan raya umum. Ini secara tidak langsung menimbulkan kesedaran politik dan memberikan peluang kepada mahasiswa untuk memilih pucuk pimpinan.

Pilihan raya kampus juga adalah platform terbaik bagi melatih mahasiswa menjadi pemimpin negara pada masa depan (Saifuddin Abdullah, 2014). Di samping itu, kepentingan pilihan raya kampus ialah bagi menyemarakkan pendidikan politik dan demokrasi di universiti dan diharapkan kesedaran ini akan meningkatkan jumlah pengundi saban tahun (Mohd Saiful Mohd Sahak dan Norhidayu Mohd Hassan, 2012). PRK menggambarkan satu mekanisme kepada sosialisasi politik di peringkat Institut Pengajian Tinggi yang mana pilihan raya merupakan salah satu komponen demokrasi. Di samping itu, kajian oleh Rozilawati dan Mohd Rizal (2017) telah mengenalpasti faktor dalam yang mempengaruhi keterlibatan mahasiswa dalam PRK. Beberapa permasalahan

dikenalpasti di dalam kampus seperti tiada bekalan air, masalah capaian internet, harga makanan yang mahal merupakan contoh di mana mahasiswa dilihat lebih memahami permasalahan dalam kalangan mereka.

3. METODOLOGI

Penyelidik menggunakan pendekatan kuantitatif iaitu menggunakan borang soal selidik yang mana responden dalam kajian ini merupakan pelajar Politeknik Banting Selangor. Sampel yang diambil bagi kajian kuantitatif ialah 75 orang responden terdiri daripada pelajar Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Jabatan Penyenggaraan Pesawat.

Borang soal selidik bagi kajian ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu; (i) bahagian A adalah maklumat umum berkaitan latar belakang responden, (ii) bahagian B adalah untuk mengetahui tahap pengetahuan mengenai PRK, pandangan mengenai PRK dan pandangan mengenai politik kampus. Penggunaan soalan berbentuk terbuka, pelbagai pilihan dan berskala. Soalan berbentuk terbuka akan memberi kelebihan kepada penyelidik untuk mendapatkan lebih banyak maklumat, termasuk perasaan, sikap dan pemahaman responden berkaitan sesuatu perkara.

Skala Likert digunakan dalam soal selidik kajian. Ia merupakan indeks pengukuran yang sering digunakan untuk melihat persepsi, imej dan pendapat responden (Malhotra, 2009). Responden dikehendaki menjawab beberapa kenyataan yang diberikan mengikut skala Likert di mana 1 adalah "Tidak pasti", 2 adalah "Sangat tidak setuju", 3 adalah "Tidak setuju", 4 adalah "Setuju" dan 5 adalah "Sangat Setuju".

4. ANALISA DATA

Jadual 1- Aspek pengetahuan mengenai PRK

Bil.	Item	Min	Sisihan Piawai
1.	Pelajar mengetahui kewujudan PRK	4.25	0.92
2.	Informasi berkaitan PRK mudah diperolehi	4.17	0.89
3.	PRK diadakan bagi memilih anggota Majlis Perwakilan Pelajar	4.36	0.91
4.	Pelajar menyokong proses PRK dilaksanakan	4.48	0.66
5.	PRK dilaksanakan sekali dalam setahun	4.52	0.64

Jadual 1, menunjukkan pengetahuan pelajar terhadap PRK adalah tinggi. Berdasarkan jadual 1, item PRK dilaksanakan sekali dalam setahun dengan nilai skor min tertinggi iaitu sebanyak 4.52. Manakala item informasi berkaitan PRK mudah diperolehi dengan skor min sebanyak 4.17.

Jadual 2 - Aspek pandangan pelajar terhadap PRK

Bil.	Item	Min	Sisihan Piawai
1.	Pelajar mempercayai kaedah PRK dilaksanakan secara manual	3.99	1.05
2.	Pelajar mempercayai kaedah PRK dilaksanakan secara atas talian	4.03	0.97
3.	Proses pelaksanaan PRK tidak mengambil masa yang lama	4.29	0.82
4.	PRK dilaksanakan pada bulan Januari adalah sesuai	3.84	1.26
5.	PRK tidak akan menyebabkan perpecahan dalam kalangan pelajar	3.87	0.79

Jadual 2 menunjukkan tahap pandangan pelajar pelajar terhadap PRK. Berdasarkan Jadual 2, responden bersetuju bahawa item proses pelaksanaan PRK tidak mengambil masa yang lama dengan skor min sebanyak 4.29. Manakala item PRK dilaksanakan pada bulan Januari adalah sesuai adalah rendah dengan skor min sebanyak 3.84.

Jadual 3: Aspek pandangan mengenai politik kampus

Bil.	Item	Min	Sisihan Piawai
1.	Suasana pelaksanaan politik kampus berjalan lancar	4.32	0.74
2.	Tiada unsur radikal sewaktu PRK	3.95	0.79
3.	Kempen PRK berjalan dengan keadaan aman	4.24	0.77
4.	Kempen PRK tidak mengganggu masa akademik pelajar	3.79	0.76
5.	Pelajar mengetahui kempen PRK	3.93	1.21

Jadual 3 menunjukkan item suasana pelaksanaan politik kampus berjalan lancar memperolehi skor min paling tinggi dengan skor min sebanyak 4.32. Manakala item yang paling rendah iaitu kempen PRK tidak mengganggu masa akademik pelajar dengan skor min 3.79.

5. PERBINCANGAN

PRK merupakan satu aktiviti yang sangat penting dalam menyemarakkan sistem demokrasi di dalam kampus Politeknik. PRK digambarkan sebagai satu mekanisme sosialisasi politik dalam kalangan pelajar Politeknik untuk memilih pemimpin dalam kalangan mereka. Asyraf Wajdi Dusuki, 2018 pernah berkata "Pilihan raya yang menjadi instrumen terpenting dalam sistem demokrasi perlu digunakan sebaiknya oleh rakyat untuk memilih pemimpin yang benar-benar berkemampuan menggalas tanggungjawab dan amanah demi kepentingan agama, bangsa dan membina tamadun umat gemilang" (Utusan Melayu, 27 Januari, 2008). Pengalaman semasa PRK akan memberi pengalaman kepada pelajar merasai suasana pilihan raya umum bagi memilih pemimpin secara demokrasi. Responden bersetuju bahawa PRK merupakan platform untuk memilih pemimpin bagi mewakili mereka sebagai perantara wakil pelajar dan pihak pengurusan dengan min skor sebanyak 4.36.

Di samping itu, penglibatan pelajar dalam PRK adalah sangat selari dengan keperluan akademik. Pelajar amat memerlukan wakil pelajar dalam Majlis Perwakilan sebagai saluran yang betul dalam menyuarakan pandangan dan keperluan mereka. Isu-isu seperti kolej kediaman dan makanan sering menjadi masalah yang sering dihadapi pelajar. Sekiranya isu sebegini diselesaikan segera ia akan membantu dalam meningkatkan akademik pelajar secara keseluruhannya.

Perbezaan antara PRK dan Pilihanraya Umum (PRU) adalah sangat berbeza. Keputusan PRK tidak akan mengubah pentadbiran institusi manakala keputusan PRU akan mengubah sistem pentadbiran negara. Kempen PRK di Politeknik juga tidak sehebat kempen di Universiti Awam yang lain di mana berkonsepkan kepartian iaitu Pro Aspirasi (Pro-A) dan Pro Mahasiswa (Pro-M). Pihak Jabatan Hal Ehwal Pelajar masih lagi mengawal kempen PRK di Politeknik manakala PRU dikawal selia oleh Suruhanjaya Pilihanraya (SPR). Walaubagaimanapun objektif pilihan raya masih sama iaitu untuk memilih pemimpin sama ada untuk mewakili suara pelajar atau pun rakyat.

Tahap pengetahuan responden terhadap PRK adalah sangat tinggi. Ini disebabkan peranan yang dimainkan oleh urusetia pilihanraya adalah sangat berkesan. Lazimnya PRK di Politeknik diurusetiakan oleh Jabatan Hal Ehwal Pelajar. Responden terlebih dahulu didekah dengan taktimat PRK seperti pengisytiharan pilihanraya, penamaan calon, kempen pilihanraya, hari mengundi, keputusan pilihanraya dan penyampaian watikah.

Responden bersetuju bahawa PRK dilaksanakan sekali setahun untuk memilih wakil pelajar bagi menduduki carta organisasi Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dengan skor min adalah 4.52. Urusetia PRK akan mengeluarkan notis pilihanraya untuk dimaklumkan kepada semua pelajar yang berdaftar di Politeknik.

Sebelum pandemik COVID-19 dan perutusan khas COVID-19 berkaitan Perintah Kawalan Pergerakan pada 18 Mac 2020 oleh YAB Tan Sri Muhyiddin Bin Hj Mohd Yassin, Perdana Menteri Malaysia, aktiviti berkaitan PRK adalah secara bersemuka. Bermula pada tahun 2021 dengan situasi pandemik COVID-19 masih melanda negara, aktiviti berkaitan PRK telah dikendalikan dengan kaedah secara atas talian. Atas beberapa kekangan untuk mengakses informasi berkaitan PRK telah menunjukkan bahawa skor min responden berkaitan perkara tersebut adalah rendah dengan skor min 4.17. Walau bagaimanapun, urusetia PRK telah menggunakan pelbagai alternatif agar semua pelajar mendapat informasi secukupnya berkaitan PRK seperti makluman di portal Politeknik dan sebaran maklumat PRK melalui Penasihat Akademik masing-masing.

Responden bersetuju bahawa PRK yang dilaksanakan adalah teratur dan mengikut peraturan PRK. Masa yang diambil oleh pengundi dalam PRK tidak mengambil masa yang lama. Responden bersetuju dengan item tersebut dengan skor min adalah 4.29. Berbeza dengan proses pengundian sebelum pandemik COVID-19, proses pengundian PRK adalah secara bersempena. Pelajar akan mengundi di tempat yang disediakan seperti Pavillion Politeknik Banting dan akan disediakan jadual mengundi mengikut kelas yang telah ditetapkan. Bermula pada tahun 2021, proses mengundi telah dijalankan secara atas talian dan memudahkan pengundi dalam PRK.

Di samping itu, responden mempunyai pandangan yang berbeza berkaitan kaedah pengundian secara manual dengan secara atas talian. Responden lebih mempercayai sistem pengundian secara atas talian lebih baik dari manual dengan skor min adalah 4.03 walaupun proses pengundian secara atas talian baru pertama kali diperkenalkan di PRK Politeknik Banting Selangor. Penyelidik percaya bahawa kelebihan pengundian secara atas talian adalah berkait rapat dengan faktor masa yang diambil sewaktu pengundian adalah lebih cepat.

Bahagian Ambilan dan Pembangunan, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) akan memberi notis kepada semua Politeknik dan Kolej Komuniti untuk mengadakan PRK. Sebelum pandemik COVID-19 melanda negara PRK akan diadakan pada bulan Januari setiap tahun. Namun demikian, bermula tahun 2021 PRK telah dilaksanakan pada bulan April. Perubahan ini menjadi faktor terhadap responden dengan skor min 3.84. Proses PRK yang dilaksanakan pada bulan Januari adalah kurang sesuai pada pandangan responden memandangkan pelajar Politeknik baru sahaja melaporkan diri pada hujung bulan November setiap tahun sebelum pandemik COVID-19.

Responden bersetuju bahawa suasana pelaksanaan politik kampus berjalan tanpa dipengaruhi oleh mana-mana parti politik di Malaysia yang mana skor min adalah 4.32. Kelancaran PRK di Politeknik dan Kolej Komuniti sangat berbeza suhu kepanasannya berbanding dengan PRK di universiti awam walaupun hakikatnya mahasiswa pada masa kini sangat peka dengan perkembangan semasa politik yang mereka perolehi dari media sosial (Junaidi et al., 2013). Kawalan urusetia pilihan raya di Politeknik telah memastikan pelaksanaan PRK berjalan baik dan lancar. Tiada sebarang berita pergaduhan dalam kalangan pelajar sewaktu kempen PRK diadakan dan ianya selari dengan pendapat responden bahawa kempen pilihanraya berjalan aman dengan skor min 4.24.

6. KESIMPULAN

Hasil kajian mendapati tahap pengetahuan dan pandangan responden terhadap PRK adalah tinggi, begitu juga dengan pandangan responden terhadap politik kampus. Ini menunjukkan kemahiran dalam kalangan pelajar Politeknik sewaktu PRK. Di samping kerjasama profesional yang ditunjukkan oleh urusetia PRK telah meningkatkan kebolehpercayaan pengundi dalam PRK di Politeknik. Peratus keluar mengundi pelajar di Politeknik Banting Selangor melebihi 90% setiap tahun menunjukkan kebolehpercayaan pelajar terhadap sistem demokrasi yang berjalan. PRK di Politeknik Banting Selangor telah berjalan dengan aman dan lancar tanpa melibatkan perbuatan radikal antara calon-calon PRK. Kempen pilihan raya yang dikawal selia oleh Jabatan Hal Ehwal Pelajar serta kaedah kempen secara maya telah mengekalkan suhu pilihan raya yang tenang di Politeknik.

RUJUKAN

- Akta Institusi-institusi Pelajaran (Tata tertib) 1976
Amirul Azam Zulkafli. (2012). *Pilihan Raya Kampus 2012: Pro M Lawan Aspirasi*. Kuala Lumpur: Free Malaysia Today.
Asyraf Wajdi Dusuki. (2008).*Pilihan Raya Umum: Alaf Atau Matlamat?* Kuala Lumpur: Utusan Melayu.
Hafiz Arif Ghazali. (2018). Thesis: *Tahap Pemikiran Politik Mahasiswa Terhadap Pilihan Raya Kampus di Universiti Malaya*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
Heywood, A. 2004. *Political theory: An Introduction*. Palgrave Macmillan
Junaidi, A. B., Mohd Fuad, M. J., Novel, L., dan Mazlan, A. (2013). Penggunaan Internet dan persepsi politik mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia. *Jurnal Personalia Pelajar*, 16; 1 – 13.
Kamus Dewan Edisi Keempat (2014), Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

- Mohd. Fauzi Fadzil 2015. *Kesedaran Politik Mahasiswa: Dalam Pilihanraya Kampus Universiti Putra Malaysia*. Kuala Lumpur: IYRES
- Mohd. Saiful Mohd. Sahak & Norhidayu Mohd. Hassan. (2012). *Saingan Sengit Pilihan Raya IPTA*. Kuala Lumpur: Utusan Malaysia
- Roslizawati. K. Malhotra. (2009). *Review of Marketing Research* (Review of Marketing Research, Vol. 5), Emerald Group Publishing Limited, Bingley
- Roslizawati, T. dan Mohd Rizal, Y. (2017). Pendemokrasian mahasiswa di Institusi Pengajian Tinggi di Universiti Kebangsaan Malaysia. *Geografia Online Malaysian Journal of Society and Space*,13(4): 93 – 105.
- Saifuddin Abdullah. (2014). Kelas Pencerahan Siri 18 - Forum: Mahasiswa Masih Lena?. Artikel ini diperolehi daripada <<https://www.youtube.com>>